



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 5 Januari 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

'Kalau harga barang sekolah tak munasabah kita bertindak'

Tindakan tegas jika peniaga naikkan harga kelengkapan sekolah

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN - Tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang didapati menaikkan harga kelengkapan persekolahan secara tidak munasabah.

Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Dr Fuziah Salleh berkata, ini bagi memastikan penggunaan khususnya ibu bapa yang membuat persiapan persekolahan tidak terbeban.

"Kita tidak mengawal harga barang sebab kita dalam pasaran ekonomi terbuka, tapi dalam masa yang sama kita juga tengok supaya tidak berlaku pencatutan.

"Kalau (ada) harga tidak wajar dan berlaku pencatutan, maka kita ambil tindakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas program serahan baucar kembali ke sekolah 2026 di sini pada Ahad.

Baucar tajaan kelengkapan sekolah berjumlah RM10,000 hasil kerjasama strategik bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) Negeri Pahang.

Sumbangan ini disalurkan dalam bentuk bau-



Fuziah memeriksa harga pakaian seragam sekolah selepas program serahan baucar kembali ke sekolah 2026 pada Ahad.

car bernilai RM100 setiap satu kepada pelajar terpilih bagi membantu meringankan beban kewangan keluarga, khususnya mereka yang terkesan.

Menjawab mengenai bekalan kelengkapan persekolahan, Fuziah memaklumkan, setakat ini bekalan mencukupi dan pihak KPDN bekerjasama dengan pelbagai pasar raya serta pengedar tempatan bagi memastikan stok sentiasa tersedia.

Menyentuh mengenai Jualan Rahmah Kembali ke sekolah, Fuziah memberitahu, program tersebut menawarkan diskaun sehingga 30 peratus dan membantu ibu bapa mendapatkan barangan sekolah anak-anak dengan harga berpatutan.

"Pelaksanaan program ini bermula pada 18 Disember lalu hingga 11 Januari ini sebagai langkah menangani kos sara hidup menjelang pembukaan sesi persekolahan baharu," katanya.

Kita tidak mengawal harga barang sebab kita dalam pasaran ekonomi terbuka, tapi dalam masa yang sama kita juga tengok supaya tidak berlaku pencatutan."

- Fuziah

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Satu tindakan kes diambil ke atas pengusaha stesen minyak dekat Kulai kerana pelanggaran Subperaturan 12A Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974, Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor, Lilis Saslinda Pornomo berkata, tindakan diambil selepas siasatan mendapati bahawa pihak pengusaha stesen minyak disyaki melanggar arahan Pengawal Bekalan iaitu mengenai larangan penjualan minyak petrol RON95 kepada kenderaan pendaftaran asing.

Beliau berkata, pihaknya sudah memperoleh rakaman kamera litar tertutup (CCTV) stesen minyak dan semakin dibuat bagi membantu siasatan.

"Kita jalankan pemeriksaan dan siasatan ke atas stesen minyak berkenaan susulan aduan serta penularan video di media sosial berkaitan dakwaan pengisian RON95 oleh kenderaan bernombor pendaftaran asing dengan taktik menutup nombor pendaftaran bagi mengelak dikesan.

"Hasil siasatan awal mendapati kejadian berlaku jam 10.36 malam (2 Januari) yang mana pembe-

TUTUP NO PLAT ISI RON95

Stesen minyak kena tindakan



TANGKAP layar video menunjukkan seorang warga Singapura cuba mengisi petrol RON95 di stesen minyak di Kulai.

lian petrol RON95 dibuat menggunakan kaedah tanpa tunai di pam tanpa membabitkan pengesahan identiti di kaunter.

"Daripada semakan transaksi, hanya sebahagian jumlah pembelian berjaya diisi sebelum pengisian dihentikan sepenuhnya.

"Satu tindakan kes diambil di bawah pelanggaran Subperaturan 12A Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974, AKB 1961 kerana disyaki melanggar arahan Pengawal Bekalan iaitu larangan penjualan petrol RON95 kepada kenderaan pendaftaran asing," katanya menerusi satu kenyataan, kelmarin.

Lilis Saslinda berkata, kes disiasat di bawah AKB 1961 dan jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya, bagi pesalah individu.

Katanya, bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan.

Stesen minyak berdepan denda RM1j

- **Langgar arahan larangan jual RON95 kepada kenderaan asing**
- **KPDN Johor ambil tindakan susulan penulatan video**

KULAI – Tindakan sebuah stesen minyak di daerah ini yang disyaki melanggar arahan berhubung larangan penjualan minyak petrol RON95 kepada kenderaan bernombor pendaftaran asing membawa padah apabila premis itu kini disiasat oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor.

Pengarahnya, Lilis Saslinda Pornomo berkata, tindakan pengatkuasaan terhadap stesen minyak tersebut dibuat berdasarkan Subperaturan 12A Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974, Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961.

Katanya, rakaman kamera litar tertutup (CCTV) stesen minyak berkenaan juga telah diambil dan semakan telah dibuat bagi



TANGKAP layar video seorang lelaki mengisi RON95 ke kenderaan pendaftaran asing di sebuah stesen minyak di Kulai kelmarin.

membantu siasatan.

"Kita jalankan pemeriksaan dan siasatan ke atas stesen minyak berkenaan susulan aduan

serta penulatan video di media sosial berkaitan dakwaan pengisian minyak RON95 oleh kenderaan bernombor pendaftaran



LILIS SASLINDA

asing dengan taktik menutup sebahagian nombor pendaftaran kenderaan bagi mengelak dikesan.

"Siasatan mendapati pembelian tersebut dibuat menggunakan kaedah tanpa tunai di salah satu pam di stesen minyak berkenaan tanpa membabitkan pengesahan identiti di kaunter," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tambah beliau, pemeriksaan lanjut bagaimanapun mendapati individu terbabit hanya sempat mengisi sebahagian daripada jumlah pembelian sebelum perbuatan itu dihentikan.

"Sehubungan itu, tindakan diambil kerana premis berkenaan disyaki melanggar arahan Pengawal Bekalan iaitu larangan penjualan minyak petrol RON95 kepada kenderaan pendaftaran asing.

"Kes akan disiasat di bawah AKB 1961 dan jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya, bagi pesalah individu.

"Sementara itu, bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan.

"Bagi pesalah membabitkan syarikat, boleh didenda sehingga RM2 juta, manakala bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda sehingga RM5 juta," ujarnya.

Terdahulu, tular satu rakaman video berdurasi satu minit 30 saat memaparkan dua individu yang mengisi minyak RON95 ke dalam sebuah kenderaan bernombor pendaftaran Singapura dengan sebahagian nombor platnya ditutup pelekat berwarna hitam.



Caught in the act: A screenshot of the viral video showing the man filling up his vehicle bearing a Singapore registration plate with RON95 petrol.

Alleged RON95 cheater identified

JOHOR BARU: Police have successfully traced the owner of a foreign-registered vehicle alleged to have filled up with RON95 petrol by concealing the registration number plate.

Kulai OCPD Asst Comm Tan Seng Lee said the individual, who holds permanent resident status, is currently in Singapore and has been instructed to report immediately to the traffic division of the Kulai district police headquarters.

The case is being investigated

under Section 108(3)(e) of the Road Transport Act 1987.

"We would like to advise the public not to arbitrarily alter or attempt to conceal vehicle registration numbers, as this is against the law," he said in a statement yesterday, Bernama reported.

A one-minute, 30-second video went viral on social media recently showing a vehicle bearing a Singapore registration plate being refuelled with RON95 petrol.

It was reported that the Johor

branch of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry had carried out inspections and investigations at a petrol station following complaints and information that went viral.

Its director, Lilis Saslinda Pornomo, was quoted as saying that action was taken for allegedly violating the directive of the Controller of Supplies, namely the prohibition on the sale of RON95 petrol to foreign-registered vehicles.



爱心白糖目前只能通过流动式以及户外式昌明爱心促销活动两个管道向民众出售。（RTM档案照）

傅芝雅：民意調查呈財部 **SARA貨品料依需求改進**

（关丹4日讯）国内贸易及生活费部副部长拿督傅芝雅沙烈表示，爱心基本援助金计划（SARA）的货品项目清单预计将根据人们的反馈和需求，不断改进和完善。

她解释说，迄今为止，内贸部已收到公众关于需要在SARA计划中添加更多货品项目的各种回应和建议，调查结果将转交给财政部以采取进一步行动。

她今早为彭亨州2026年“回到校园昌明爱心促销活动”主持推介仪式后，在新闻发布会上受询时如此表示。

政府在2025年8月31日（国庆日）发放一次性100令吉的SARA援助金给所有年满18岁的大马公民，无需申请，直接存入大马卡，用于购买14类生活必需品，包括白米、鸡蛋、食用油、面粉、面包、饼干、快熟面、罐头食品、饮料、调味料、个人护理用品、学校用品、药物和家居，使用期限至2025年12月31日。

首相拿督斯里安华去年10月宣布，政府预计将在2026年2月中旬，再次向全国约2200万名年满18岁的国人发放100令吉SARA援助金，以协助民众应付斋戒月及农历新年期间的开销。

“爱心白糖”助政府人民省钱

另一方面，傅芝雅表示，透过昌明爱心促销计划推出的“爱心白糖”倡议，不但协助人民减轻生活费的负担，也间接帮助政府节省开销，因为爱心白糖是在没有获得政府任何奖掖或补贴的情况下，以优惠价格出售予人民。

每公斤售价2令吉70仙的爱心白糖是HMBF Legacy私人有限公司与内贸部合作推出的一项举措。

她指出，到目前为止，根据政府制定的现行政策，爱心白糖只能通过流动式以及户外式昌明爱心促销活动两个管道向民众出售。

“目前，马来西亚两家生产糖的大公司每月获得4200万令吉的补贴。然而，这个爱心白糖则是得到内贸部的许可，可以在没有得到政府任何补贴的情况下出售，所以对于政府来说是一份红利。”

仅通过昌明慈悯活动促销 傅芝雅：慈悯白糖未获补贴



国内贸易及生活成本部副部长傅芝雅。(图取自马新社)

(关丹4日讯)目前“慈悯白糖”(Gula Rahmah)尚未获得任何政府补贴,仅允许通过昌明慈悯促销活动,以流动销售和非营业场所销售的方式惠民。

国内贸易及生活成本部副部长拿督傅芝雅说,该政策保持不变,

并将继续实施,以便公众更容易以更低的价格购买白糖。

“目前,这是内贸部允许的慈悯白糖销售模式,但未来可能会根据内贸部的新政策而有所改变。”

她今天主持昌明慈悯促销活动及重返校园促销计划(PJRM KKS)推介礼后,对记者这么说。

每公斤售价2令吉70仙的慈悯白糖,是HMBE Legacy私人有限公司与内贸部合作推出的一项举措。

傅芝雅谈到今天的活动时指出,政府为应对新学期开学的生活成本问题,于12月18日至1月11日在彭亨举办50场PJRM KKS。

在彭亨,该计划聚焦学校的实际需求,通过与主要文具供应商合作,以较低的价格提供彩色铅笔和计算机等文具用品,以满足家长和学生的当前需求。

“学校用品没有价格管制,它们在公开市场上销售,因此存在良性竞争。同时,我们始终确保没有哄抬物价的行为,一旦发现,我们将采取行动。”

询及巫青团呼吁巫统退出团结政府,并转为在野党的言论,也是人民公正党总秘书的傅芝雅说,每个政党都有权自由选择战略伙伴。

“有的政党选择相同的道路,有的政党选择不同的道路。每条道路都有其自身的理由和原因……那些选择不同道路的政党可能是为了互补。在昌明政府的我们将继续加强对团结政府的支持。” #

傅芝雅：“關愛糖”未獲補貼 辦促銷讓民買便宜糖

（关丹4日讯）国内贸易及生活成本部副部长拿督傅芝雅说，目前“关爱糖”（gula rahmah）尚未获得任何政府补贴，但仍会通过昌明关爱促销活动，让人民以更低的价格购买白糖。

她说，目前此政策将会继续实施，但内贸部未来或会根据新政策而有所改变。

“目前‘关爱糖’是与内贸部与HMBE Legacy私人有限公司合作推出的一项举措，每公斤售价2令吉70仙。”

傅芝雅今早在关丹MBS Word Mega文具店主持大马关爱销售计划（PJRM）重返校园促销计划（KKS）推介礼，致词时如是说，出席者包括彭亨州消费人及人力资源委员会主席沈春祥。

降低開學用品價格

她说，“昌明关爱促销之返回校园计划”从上月18日至本月11日（星期一）在全彭举行50场，以应对新学期开学的生活成本问题。

“目前彭亨的计划都是专注学校的实际需求，通过与主要文具供应商合作，以较低价格提供铅笔及计算机等文具。”

傅芝雅说，大马关爱销售计划（PJRM）重返校园促销计划

（KKS）是政府推出的主要措施，以配合昌明大马的愿景，把开学用品的价格幅度降至10至30%。

她说，开学用品是公开在市场上销售，并没有价格管制，因此存有良性竞争。

“迄今也没接收到任何开学用品抬高物价的行为，若发现将会采取行动。”

此外，国能公司彭亨分公司也捐赠1万令吉，作为开学用品现金券，款项将以每张100令吉的代金券方式发放给部分学生，以减轻他们家庭的经济负担，尤其是贫寒家庭的学生。



■傅芝雅（右）向媒体展示重返校园计划的开学用品，左为沈春祥。

被询及巫青团呼吁巫统推出团结政府的言论，也是公正党总书记的傅芝雅说，每个政党都有权自由选择战略伙伴。



■并由傅芝雅（左3）代领。国能彭亨州分公司移交1万令吉给内贸部，做为关爱销售计划重返校园的捐款，*

捉用品開售價格 傅芝雅：不容暴利情況

（关丹4日讯）国内贸易及生活费部副部长拿督傅芝雅表示，当局将严厉查办任何被指不合理抬高学习用品价格的商家，以确保消费者，特别是正在为孩子准备开学用品的家长们，以便他们不会面对沉重的经济负担。

她今早在关丹MBS WORLD大型书店，为彭亨州2026年“回到校园昌明爱心促销活动”主持推介仪式后，在记者会受询时如此指出。

她说，即使政府没有对开学用品如文具、校服、书包及校鞋等货品的价格进行管制，作为开放市场让这些商家进行公平竞争，但是当局依然会确保这些商品没有出现故意抬高价格牟取暴利的情况。

“如果有发生不合理抬高价格及暴利的情况，我们必定会采取行动。”

针对学校用品的供应问题，傅芝雅表示，目前供应充足，该部也正在与各超市和当地经销商合作，确保货品的库存充足。

全国办337场回到校园促销

另一方面，傅芝雅表示，该部从去年12月18日至今年1月11日，在全国举办337场“回到校园昌明爱心促销活动”，包括在彭亨州举办多达50场，旨在协助家长减轻开学前的经济负担。

她说，促销活动透过与主要文具供应商作为策略伙伴



■傅芝雅参观在关丹MBS WORLD大型书店举行的“回到校园昌明爱心促销活动”，并与学生们互动。

的合作，提供逾百种学习用品，如文具、彩色笔、计算机、校服校鞋等高达30%的折扣，帮助家长以合理及比市价更低的价格购买到孩子的开学用品。

与此同时，当局也通过与彭亨州国能公司的合作，获得企业社会责任计划下赞助总值1万吉的学习用品购物礼券。这些赞助将以每张价值100令吉的购物礼券形式捐赠给选定的B40群体家庭的学生，以帮助减轻人民的经济负担，特别是那些刚刚受到水灾影响的家庭。

出席活动的嘉宾包括彭亨州消费人事务及人力资源委员会主席沈春祥、彭亨州国内贸易与生活费局长嘉丝莉莉、国能公司彭亨州总经理阿潘迪、彭亨州教育局代表山苏汀等。（BPK）

傅芝雅：考量自身利益 各黨有權選戰略伙伴

（关丹4日讯）公正党总秘书傅芝雅指出，各政党都可根据自身利益考量和目标，自由选择战略合作伙伴。

她坚称公正党尊重任何政党决定其政治方向的权利。

“有的人选择志同道合的朋友，即思维方式相同，有的人则选择观点不同的，各自都有各自的道理。

“那些选择不同合作伙伴的人，可能旨在补充和扩大他们的影响力；而那些选择方向一致的人，通常是为了加强他们的选民基础，但这就是他们的选择。”

傅芝雅也是国内贸易及生活费部副部长，她今早在关丹MBS WORLD大型书店，为2026年彭亨州“回到校园昌明爱心促销活动”主持推介仪式后，在记者会如此表示。

她强调，昌明政府将继续致力于确保加强对团结政府的支持。

不过，询及任何政治合作的发展是否会对团结政府构成挑战时，她说，此事可由各方去自行诠释。（BPK）



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Big little issue

Repeated or widespread improper bill-rounding practices by retailers and eateries could result in unjust enrichment of businesses at expense of consumers, says Fomca.

Report
on
page 3

While Fomca plays an active role in monitoring complaints and advocating compliance, enforcement of rounding rules falls under the jurisdiction of Bank Negara Malaysia. — ADAM AMIR HAMZAH/THESUN



'Do not ignore extra few sen on bills'

➤ **Systemic overcharging from improper rounding up across businesses could violate consumer rights, says Fomca**

■ BY KIRTINEE RAMESH
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: What seems like a few sen at the checkout may signal a systemic violation of consumer rights, with improper bill-rounding practices persisting across food outlets and other businesses, Fomca pointed out.

Fomca CEO Saravanan Thambirajah said while the organisation plays an active role in monitoring complaints and advocating compliance, enforcement of rounding rules falls under the jurisdiction of Bank Negara Malaysia (BNM), which issued clear guidelines on rounding to the nearest five sen following the withdrawal of the one sen coin.

"Fomca does not conduct routine inspections or audits of business billing systems like an enforcement agency. However, we actively monitor consumer complaints, public feedback and reported irregularities.

"When issues are identified, we raise them with the relevant authorities, such as the Domestic Trade and Cost of Living Ministry and BNM, urging investigation and corrective action."

He explained that checks are typically triggered by consumer reports, media exposure or emerging patterns that suggest systemic non-compliance, rather than carried out

on a fixed schedule.

Saravanan cautioned that incorrect rounding - particularly when billing systems automatically round up - should not be dismissed as a mere technical error.

"When such practices are repeated or widespread, they become a systemic consumer rights issue, disadvantaging consumers despite the small amounts involved," he said, adding that over time repeated rounding up can lead to unjust enrichment of businesses at consumers' expense.

To prevent this, Fomca has urged businesses to ensure their billing systems fully comply with BNM's rounding rules, provide proper staff training to explain rounding calculations and issue receipts that clearly show how final amounts are derived.

Saravanan also called for greater accountability from billing software vendors, warning that automated errors could affect thousands of transactions daily.

He said even small discrepancies, such as repeated five-sen rounding, should be taken seriously and verified through receipt and transaction reviews to identify patterns.

"If the issue appears isolated, we may engage the business directly to seek clarification and voluntary correction. But where there is evidence of repeated or systematic overcharging, the matter is escalated to the Domestic Trade and Cost of Living Ministry for enforcement action under the Consumer Protection Act 1999."

In some cases, the issue may also be publicised to alert consumers and deter similar practices.

"The size of the loss does not negate the violation of consumer rights," Saravanan stressed, adding that consumer education remains crucial as many shoppers do not routinely check receipts due to trust in automated systems or the

perception that the amounts involved are insignificant.

Public awareness efforts through media engagement, outreach programmes and social media, he said, emphasise the importance of billing accuracy, price transparency and receipt-checking.

"Small discrepancies, when multiplied across many consumers, can result in significant financial loss," Saravanan said, adding that education should target both consumers and traders.

"Consumer protection works best when both sides understand their rights and responsibilities."

Under Malaysian law, particularly the Consumer Protection Act 1999, businesses found to be engaging in misleading pricing, unfair practices or systematic overcharging may face fines, penalties or other enforcement action.

Saravanan said repeated overcharging due to rounding errors or faulty systems could be construed as misleading conduct, especially if businesses fail to rectify known problems.

While Fomca does not impose penalties itself, he said it plays a "crucial role" in documenting complaints, assisting affected consumers and pushing the ministry for enforcement.

"Meaningful sanctions are necessary to deter businesses from treating overcharging as an acceptable cost of doing business."

Saravanan also urged consumers to take action when they encounter incorrect rounding.

"Consumers should first raise the issue with the business and keep the receipt as evidence. If unresolved, they should lodge a complaint with the ministry through its official channels or report the matter to Fomca for guidance."

"Reporting is important, even for small amounts, as it helps identify repeat offenders and strengthens overall market fairness."

Pengguna pilih nilai berbanding jenama mewah

Trend pembelian beralih kepada barangan keperluan harian dan mampu milik pacu sektor runcit negara mencatat pertumbuhan memberangsangkan.

Corak perbelanjaan rakyat Malaysia kini menunjukkan perubahan ketara apabila pengguna semakin cenderung memilih barangan yang menawarkan nilai terbaik berbanding jenama mahal, satu fenomena yang dikenali sebagai *downtreading*.

Peralihan ini didorong tekanan kos sara hidup yang menyebabkan pengguna lebih berhati-hati dalam berbelanja, memfokuskan kepada barangan keperluan asas dan pasaran massa.

Menurut laporan CIMB Securities, trend ini dijangka akan terus memacu prestasi peruncit yang menawarkan harga berpatutan.

Prestasi jualan runcit negara pada suku ketiga 2025 mencatatkan lonjakan mengejutkan sebanyak 4.9 peratus tahun ke tahun, jauh mengatasi jangkaan awal se-

banyak 2.6 peratus.

Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong perbelanjaan berterusan ke atas barangan keperluan harian dan penggunaan meluas bantuan kerajaan di bawah program Sumbangan Asas Rahmah (SARA) yang diperluaskan.

Bantuan tunai tambahan SARA sebanyak RM2 bilion yang dilancarkan pada akhir Ogos 2025 turut menjadi pemangkin kepada aktiviti peruncitan dalam segmen keperluan asas.

CIMB Securities dalam nota penyelidikannya menyatakan bahawa pihaknya mengekalkan pandangan 'Neutral' terhadap sektor ini, namun lebih memihak kepada segmen barangan keperluan, pasaran massa dan penerima manfaat daripada trend penurunan taraf perbelanjaan pengguna.

Antara syarikat disebut sebagai pilihan utama ialah 99 Speedmart, Farm Fresh dan Padini Holdings Bhd.

CIMB Securities melihat syarikat ini mempunyai kedudukan kukuh menangkap peluang daripada perubahan tabiat pengguna berkenaan.

Walaupun prospek permintaan semakin baik, industri peruncitan Malaysia dijangka terus berdepan cabaran pada 2026.

Bajet pengguna dijangka terus ditekan kos sara hidup yang tinggi, manakala peruncit pula akan berdepan peningkatan kos operasi.

Tekanan kos tambahan dijangka timbul daripada peluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) berkuat kuasa 1 Julai 2025 yang meliputi lebih banyak perkhidmatan, termasuk penyewaan.

CIMB Securities menjelaskan bahawa langkah cukai itu akan meningkatkan perbelanjaan berkaitan penyewaan, terutama bagi peruncit mempunyai jumlah kedai yang tinggi di dalam pusat beli-belah seperti Padini, Mynews dan MR.DIY.



Bantuan tunai tambahan SARA turut menjadi pemangkin kepada aktiviti peruncitan dalam segmen keperluan asas. (Foto hiasan)

Kos anjur festival cecah RM100,000



SAZALIANA

Penganjur, peniaga jelaskan punca harga makanan tinggi

SHAH ALAM - Pelbagai kos yang perlu ditanggung penganjur dan peniaga pada festival makanan, antara faktor yang menyebabkan harga makanan dijual lebih tinggi sehingga menimbulkan keluhan dalam kalangan pengunjung.

Menurut Sazaliana Awaludin, berdasarkan pengalaman sepanjang empat tahun menganjurkan Festival Food Mania di seluruh negara, pihaknya membelanjakan hampir RM100,000 merangkumi kos tapak sehinggalah bayaran persembahan artis bagi memastikan acara itu berjalan lancar.

Ujarnya, harga sewa tapak yang dikenakan kebanyakannya melebihi RM2,000, manakala permit khemah jualan pula RM40 sehari.

"Selain itu, penganjur juga perlu membayar pelbagai kos sewaan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan majlis daerah. Itu belum termasuk lagi kos siar raya, pekerja dan kos artis yang hampir mencecah RM20,000.

"Disebabkan itu, penganjur tidak boleh meletakkan harga terlalu rendah. Kami turut mengambil kira kos lain seperti lokasi acara dan keadaan cuaca.

"Bagi peniaga pula, mereka perlu tanggung kos pengangkutan, pekerja, penginapan dan bahan mentah untuk jualan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ujar Sazaliana, festival berkonsepkan santai itu menjadi platform kepada usahawan kecil untuk mengembangkan

jenama dan meningkatkan jualan dengan mempamer hasil produk mereka.

"Menerusi festival ini, ia membuka peluang berniaga, sekali gus memberi ruang pekerjaan kepada golongan muda yang bergantung kepada industri ini bagi mencari rezeki.

"Realitinya, ramai peniaga kita tidak mempunyai tempat tetap untuk berniaga dan di sinilah medan mereka menjual," katanya.

Justeru ujarnya, pengunjung tidak boleh menyalahkan sepenuhnya pihak penganjur dan sekiranya harga makanan yang dijual dirasakan mahal, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) boleh melakukan pemantauan.

Sazaliana turut melahirkan kebimbangan jika naratif negatif terus dimainkan, ia boleh menyekat penganjuran festival, sekali gus memberi kesan kepada sumber pendapatan penganjur, peniaga dan pekerja.

Sementara itu, peniaga makanan, Abdul Hadi Abdullah, 30, mengakui sewa tapak dan kos operasi yang tinggi antara kekangan utama dihadapi peniaga sehingga terpaksa mengenakan harga jualan lebih mahal di festival makanan berbanding pasaran luar.

Menurutnya, kos operasi meningkat terutama apabila perlu berniaga di luar kawasan tempat tinggal kerana ia melibatkan perbelanjaan tambahan seperti pengangkutan, penginapan dan logistik.

"Sewa tapak antara kos tertinggi yang perlu ditanggung, dengan kadar mencecah sehingga RM3,500 ber-

gantung kepada tempoh dan jenis acara yang dianjurkan.

"Sebagai contoh, kos perjalanan dan pengangkutan dari Klang ke Tanjung Karang sahaja boleh mencecah sekitar RM1,200, manakala kos penginapan dan pekerja pula kira-kira RM1,500.

"Disebabkan kekangan ini, kami terpaksa naikan harga jualan, anggaran sekitar lima peratus bagi menampung perbelanjaan dikeluarkan," ujarnya.

Bagi peniaga kambing bakar, Mohd Shahrizal Mohd Dahan, 37, faktor cuaca seperti hujan lebat dan kenaikan mendadak harga bahan mentah turut menjejaskan kos operasi peniaga.

"Sebagai contoh, harga daging kambing yang sebelum ini sekitar RM17 sekilogram kini meningkat kepada RM29 sekilogram bermula 2025, naik melebihi 40 peratus.

"Itu belum termasuk kos tapak dan kos operasi lain. Sebab itu, ada persepsi kata harga makanan di festival mahal, sedangkan peniaga sendiri berdepan tekanan kos," katanya.

Seorang lagi peniaga, Azim Azwan Shamsuri, 28, berkata, isu harga makanan di festival tidak wajar diletakkan sepenuhnya di bahu peniaga atau pengunjung, sebaliknya memerlukan peranan lebih besar daripada penganjur dan pihak berkuasa.

"Penganjur perlu ada perancangan jelas, strategi pemasaran berkesan dan aktiviti yang mampu tarik orang ramai dari pagi hingga ke malam.

"Penganjuran juga perlu dikawal bagi mengelak peniaga teraniaya termasuk kes penipuan oleh penganjur tidak bertanggungjawab," katanya.

LAPORAN MUKA DEPAN



ABDUL HADI



MOHD SHAHRIZAL



AZIM AZWAN

Perlu papar harga munasabah, pemantauan aktif pihak berkuasa - FOMCA



SARAVANAN

SHAH ALAM - Pihak berkuasa dan penganjur festival makanan digesa memastikan harga makanan yang dijual munasabah, berpatutan serta tidak melampau bagi melindungi kepentingan pengunjung.

Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Dr T Saravanan berkata, penganjur tidak boleh melepaskan tanggungjawab sepenuhnya kepada peniaga.

"Mereka perlu menetapkan syarat jelas termasuk keperluan paparan harga dan pemantauan se-

panjang festival berlangsung.

"Pihak berkuasa juga perlu menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan aktif bagi memastikan tiada manipulasi harga atau maklumat mengelirukan pengguna.

"Festival makanan seharusnya menjadi ruang promosi makanan dan budaya, bukan platform mengambil kesempatan ke atas pengunjung," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Saravanan, FOMCA menerima beberapa maklum balas pengguna mengenai harga

makanan yang didakwa terlalu mahal dan tidak seimbang kualiti atau kuantiti hidangan.

"Tetapi, kebanyakan rungutan itu disuarakan secara tidak rasmi melalui media sosial atau perbualan awam, bukannya aduan rasmi.

"Keadaan ini menyukarkan tindakan penguatkuasaan. Kami menggalakkan pengguna membuat aduan rasmi kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) atau pihak berkuasa tempatan dengan bukti lengkap supaya isu ini dapat ditangani lebih berkesan," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 5 JANUARI 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
5-Jan	Gula Rahmah hanya dijual melalui Program Jualan Rahmah MADANI	https://thesun.my/berita/tempatan/gula-rahmah-hanya-dijual-melalui-program-jualan-rahmah-madani/	THE SUN
5-Jan	Gula Rahmah Only Sold Via MADANI Rahmah Sales Programme - Fuziah	https://www.bernama.com/misc/rss/news.php/news.php?id=2508689	BERNAMA
5-Jan	Gula Rahmah Hanya Dijual Menerusi Program Jualan Rahmah MADANI - Fuziah	https://www.bernama.com/bm/news.php/sukan/news.php?id=2508667	BERNAMA
5-Jan	Gula Rahmah hanya dijual menerusi Program Jualan Rahmah Madani - Fuziah	https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/762765	SINAR HARIAN
5-Jan	GULA RAHMAH HANYA DIJUAL MENERUSI PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI – FUZIAH	https://www.melakahariini.my/gula-rahmah-hanya-dijual-menerusi-program-jualan-rahmah-madani-fuziah/	MELAKA HARI INI
5-Jan	Gula Rahmah hanya dijual menerusi Program Jualan Rahmah MADANI: Fuziah	https://www.utusanborneo.com.my/2026/01/04/gula-rahmah-hanya-dijual-menerusi-program-jualan-rahmah-	UTUSAN BORNEO
5-Jan	PMX Rasmikan Pensijilan Halal Gula Rahmah, Perku- kuh Keyakinan Rakyat Terhadap Bekalan Gula	https://www.nabalunews.com/post/pmx-rasmikan-pensijilan-halal-gula-rahmah-perkukuh-keyakinan-rakyat-terhadap-bekalan-gula	NABALU NEWS
5-Jan	Inisiatif Gula Rahmah sum- bang penjimatan per- belanjaan kerajaan	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/inisiatif-gula-rahmah-sumbang-penjimatan-perbelanjaan-kerajaan	RTM
5-Jan	傅芝雅：民意调查呈财部 SARA货品料依需求改进	https://www.sinchew.com.my/news/20260104/nation/7161841	SIN CHEW

5-Jan	KPDN beri amaran supaya tidak mencatut kelengkapan sekolah	https://www.astroawani.com/video/awani-745-x7kldw/kpdn-beri-amaran-supaya-tidak-mencatut-kelengkapan-sekolah-x9x1opq	ASTRO AWANI
5-Jan	KPDN ambil tindakan tegas jika peniaga naik harga alatan sekolah	https://themalaysiapress.com/kpdn-ambil-tindakan-tegas-jika-peniaga-naik-harga-alatan-sekolah/	THE MALAYSIA PRESS
5-Jan	Jangan mencatut kelengkapan sekolah, KPDN beri amaran	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2026/01/04/jangan-mencatut-kelengkapan-sekolah-kpdn-beri-amaran	FREE MALAYSIA TODAY
5-Jan	KPDN warns of action against unreasonable price hikes for school supplies	https://www.thevibes.com/articles/news/117795/kpdn-warns-of-action-against-unreasonable-price-hikes-for-school-supplies	THE VIBES
5-Jan	Polis berjaya kesan pemilik kenderaan asing tutup nombor pendaftaran isi RON95	https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/762783	SINAR HARIAN
5-Jan	KPDN ambil tindakan stesen minyak biarkan kenderaan Singapura isi RON95	https://harapandaily.com/2026/01/04/kpdn-ambil-tindakan-stesen-minyak-biarkan-kenderaan-singapura-isi-ron95/	HARAPAN DAILY
5-Jan	KPDN Johor Serbu Stesen Minyak Benarkan Kenderaan Asing Isi RON95	https://malaysiaaktif.my/2026/01/kpdn-johor-serbu-stesen-minyak-benarkan-kenderaan-asing-isi-ron95/	MALAYSIA AKTIF
5-Jan	KPDN siasat warga Singapura isi RON95 guna helah tutup nombor plat	https://thereporter.my/kpdn-siasat-warga-singapura-isi-ron95/	THE REPORTER
5-Jan	Johor KPDN probes foreign vehicle over illegal RON95 purchase	https://thesun.my/news/malaysia-news/crime/johor-kpdn-probes-foreign-vehicle-over-illegal-ron95-purchase/	THE SUN